

ikrar pancali

ALIH BAHASA OLEH: DR. G. SOOSAI



PENERBITAN PUSTAKA ANTARA

IKRAR PANCALI

Alih Bahasa Oleh:
Dr. G. Soosai



1982

PUSTAKA PERDANA



1002942

PENERBITAN PUSTAKA ANTARA

KANDUNGAN

1.	Sembahan Kepada Pedanda	1
2.	Ke Hadrat Dewi Ilmu Sarawathi	1
3.	Undangan Hastinapura	3
4.	Balai Duryodhana	5
5.	Baginda Duryodhana Berhasad Dengki	6
6.	Renungan Duryodhana	7
7.	Aduan Duryodhana	12
8.	Kecemaran Sakuni	16
9.	Syor-Syor Sakuni Kepada Baginda Dhritarasytra	17
10.	Kata-kata Berbisa Duryodhna	25
11.	Jawapan Dhritarasytra	27
12.	Relaan Dhritarasytra	29
13.	Balasan Duryodhana	29
14.	Pembinaan Dewan	32
15.	Vidura Menjadi Pesuruh	33
16.	Pesuruh Vidura	35
17.	Salaman Kepada Vidura	38
18.	Berita	39
19.	Kekeliruaan Dahsyat Dharma	40
20.	Jawapan Vidura	41
21.	Keazaman Dharma	41
22.	Ucapan Gagah Bhima	42
23.	Ucapan Muktamad Dharma	44
24.	Kepatuhan Saudara Berempat	46
25.	Perjalanan Pandawa	47
26.	Keindahan Petang	48
27.	Salawat Ratu Dewi Ilmu	51
28.	Alu-Aluan Ikhlas	51
29.	Mesyuarat	52
30.	Pandawa Kunjung Dewan Raya	53
31.	Undangan Untuk Berjudi	54
32.	Keengganan Dharma	54
33.	Sindiran Sakuni	55
34.	Cabaran Gobar Sakuni	56
35.	Keşudian Dharma	57
36.	Mereka Berjudi	59

37.	Dharma Bertemu Kerajaan	62
38.	Babak Kehambahan Pandawa	64
39.	Sembahan Kepada Kuasa Mugayat	64
40.	Ke Hadrat Saraswathi	65
41.	Sampukan Duryodana Kepada Vidura	65
42.	Jawapan Gagah Vidura	67
43.	Ikrar Pancali	69
44.	Sindiran Sakuni	70
45.	Bertaruh Sahadewa	73
46.	Kehilangan Nakula	73
47.	Kehilangan Arjuna, Kegeraman Dharma	74
48.	Kehilangan Pahlawan Bhima	75
49.	Dharma Menggadaikan Diri	76
50.	Keriangannya Duryodhana	77
51.	Kepintaran Sakuni	77
52.	Babak Kecabulan Makroh: Penyeretan Puteri Pancali	79
53.	Kaurava Bersuka-ria: Tawanan Puteri Pancali	81
54.	Duryodhana Menari	81
55.	Duryodhana Hina Menjemput Pancali	82
56.	Kesan Kecharuan	82
57.	Perintah Hina Duryodhana	83
58.	Kemurkaan Duryodhana	88
59.	Perbantahan Pancali	89
60.	Babak Berikrar	92
61.	Perbahasan Antara Pancali Dengan Dusasana	93
62.	Penjeritan Jujur Pancali	97
63.	Perbantahan Bhisma	98
64.	Kemurkaan Bhima	102
65.	Jawapan Arjuna	104
66.	Amaran Vikarna	105
67.	Perintah Karna	108
68.	Doa Pancali	110
69.	Ikrar Bhima	114
70.	Ikrar Tegass Pancali	116
71.	Akhiran.	119
72.	Nasihat	119

PRAKATA

Episod "Ikrar Pancali" dalam Maha Bharatha dianggap sebagai satu episod yang luarbiasa serta mengkagumkan. Pujangga besar Bharathi yang lahir seratus tahun dahulu berjaya menyampaikan episod itu dengan gubahan sajak yang indah. Terjemahan ini adalah dari karya Pujangga Bharathi.

Episod inilah yang mendorongkan umat Hindu mengaji Bagawath Geeta secara mendalam. Saya menterjemahkan episod ini agar peminat-peminat kesusasteraan Nusantara sempat memahami pengaruh Hindu dalam kesusasteraan Asia. Oleh itu "Ikrar Pancali" perlu dibaca dengan seteliti-telitinya.

Arjuna dan Krisyna adalah lambang murni yang mengandungi keisitimewaan khas yang tidak terperi. Mereka sebatian benar tidak seperti petenung atau orang terus mata dalam pertapaan aman renungan tefekur tetapi sebagai perwira yang mengendalikan pedati yuda dengan kagumnya di medan peperangan yang gempar dan gegar. Segala pengalaman yang dialami oleh insan, ditentukan dan dikismatkan oleh kuasa kudrat murni. Segala perjuangan manusia untuk mencapai kejayaan dapat dicungkili dalam epik "Ikrar Pancali" dan kitab aulia Bagawath Geeta. Manusia terpaksa merontak, berkejang-kejang, berkial-kial, terungkap-rungkap, bergelut, bergomol, terketek-ketek dan terbengkil-bengkil sepanjang hayat. Liku-liku pahit yang dihadapi oleh insani memang menyayatkan hati.

Arjuna mewakili perjuangan hebat sejagat serta pertunjuk murni kepada pergerakan insani dan bangsa. Dalam Bagawath Geeta dia melambangkan kegiatan tegas rohani manusia melalui ketegangan angkara murka masalah-masalah rumit penghidupan manusia. Unsur rohaniah yang tidakesuaian ketara jelas sambil unsur cita-cita ilmu adab akhlak kesempurnaan.

Kitab ini sebenarnya menyampaikan pengajaran dan bukan menetapkan bahan-bahan amali sahaja, tetapi tatatertib untuk bersedia menyerah kenikmataan hidup, dan segala yang terwajib demi kemurnian hidup menelur daripada kajian kitab suci ini. Matalamat utama ialah penyerahan segala-gala.

Unsur ini boleh diterangkan dengan senang sahaja dengan petikan-petikan tertentu daripada kitab mumi ini. Dua rangkap seloka yang akhir dalam kitab aulia ini menjelaskan dengan seterang-terangnya mistri keagungan. Pengalaman roh dapat dirasai dengan ketara melalalui dua bait seloka yang berkesan lagi mustajab itu. Setiap perkataan dalam seloka-seloka itu mempunyai makna mendalam yang tepat dan padat. Seloka-seloka itu boleh menimbulkan kecerahan doktrin murni serta tata tertib aulia.

“Menjadilah sebatian beta; menjadilah pencinta dan penyembah beta; menjadilah pengorbanan beta; bersembahlah dengan khusuk ke hadrat beta; anda pasti berlindung beta; inilah ikrar beta kepada anda; beta sungguh mesra murni terhadap anda”.

“Ketepikanlah segala derma bakti dan menyerahkan diri ke hadrat beta sahaja. Beta akan menyelamatkan anda daripada segala dosa maksiat, janganlah berasa sugul”.

Ada juga pengkritik-pengkritik sastera memegaskan kitab ini sebagai kitab suci ibadat semata-mata. Segala pengajaran berkisar teras utama keesaan dan keutamaan diberi kepada unsur keresapan sejahtera sentosa. Sebenarnya apa yang dititikberatkan ialah kebaktian munajat mukmin. Kudrat Tuhan juga diagung-agungkan sebagai kepahalaan yang harus menjadi amalan ibadat murni. Tuhan Esalah segala-gala dan mempunyai kuasa mutlak. Kitab ini memberi panduan dan pimpinan yang sewajarnya. Kitab ini juga merupakan sebagai seimbangan dari segala segi dan menekankan pengetahuan baru, ibadat amali baru, pembangunan baru tanpa sebarang keutamaan dari ciri-ciri lain.

Saya ingin berterimakasih kepada lima orang tokoh antarabangsa Y.A.B. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad, Perdana Menteri Malaysia, Y.A.B. Datuk Musa Hitam Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Yang Berbahagia Profesor Diraja Ungku A. Aziz, Naib Canselor, Universiti Malaya, Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Haji Hamdan Sheik Tahir, Naib Canselor Universiti Sains Malaysia dan Pengerusi Dewan Bahasa dan Pustaka, dan Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Dr. Awang Had Salleh Naib Canselor, Universiti Kebangsaan Malaysia, yang memberikan kata-kata aluan setelah membaca manuskrip saya.

Apabila saya di bangku sekolah di Kuala Kangsar saya berazam menterjemahkan epik luar biasa ini ke dalam bahasa kita. Saya tertarik hati terhadap bahasa ini tatkala saya budak lagi. Sebenarnya Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Haji Hamdan Sheikh Tahir bekas guru saya selama lima tahun yang memupukkan minat terhadap Bahasa Melayu dalam diri saya. Terjemahan ini pernah tersiar dalam akhbar Inggeris, Star. Kini impian lama saya terkabul.

Segala keazaban yang telahku lalui
Penat lelah yang telahku alami
Dan segala pahit-maung yang telahku tempuhi
Kecekalan dan ketabahan
Menjadi temanku sejati.

Impian
Melambang permainan setiap insan
Tidak kira kecil atau besar,
Seorang pujangga
Ya itulah impianku selama ini
Menjadi sebutan di serata dunia
Seorang pujangga yang mengagung-agungkan
Bangsa dan nusa
Dan menegas secara rapi pula
Kebenaran dan keutuhan negara.

Kini impianku telah menjadi nyata
Syukurlah ke hadrat Illahi.

Saya juga ingin menyampaikan penghargaan saya kepada isteriku Kolende Mary, yang menggesa saya menterjemahkan epik ini yang digemari oleh umat Hindu. Saya hanya sempat membereskan kerja ini dengan dorongan setianya. Keminatan dan keazamannya memberi perangsang dan ilham kepada saya. Saya juga terhutang budi kepada anak perempuan tunggal saya, Anne, yang menyemak manuskrip dengan teliti.

Saya mempersembahkan buku ini kepada bondaku yang menghembuskan nafasnya yang penghabisan di Kuala Kang-

sar pada 30 haribulan Oktober, 1949. Segala kejayaanku, dan segala kejayaanku yang akan datang adalah sedekah murni mendiang bondaku yang aulia maulana.

Prof Dr. G. Soosai.